

AMALAN PENGAJARAN SINGAPURA (SINGAPORE TEACHING PRACTICE)

Proses Pengajaran Penilaian dan Maklum Balas



Jawatankuasa Penerbitan

Norhayati Awang, Penasihat

Rahmat Subadah

Dr. Fadilah Isnin

Haryati Surana

Siti Faridah Omar

Salina Hussin

Muhamad Rafi Abu Bakar

Arshid Abdullah

Sekapur Sirih

Salam sejahtera kepada para guru budiman.

Amalan Pengajaran Singapura atau *Singapore Teaching Practice (STP)* telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk mengukuhkan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru Singapura.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) mengambil inisiatif untuk menterjemah dan menerbitkan Amalan Pengajaran Singapura berbentuk e-Penerbitan sebagai panduan dan rujukan bagi guru-guru Bahasa Melayu Singapura.

Diharapkan, bahan e-Penerbitan ini akan dapat memberikan petunjuk kepada guru untuk:

- memahami dan menerapkan STP dalam PdP Bahasa Melayu;
- merancang dan menyediakan PdP yang relevan dan berkesan dengan menerapkan elemen-elemen STP;
- mengaplikasi dan melaksanakan elemen-elemen STP dalam PdP bahasa Melayu dengan berkesan; dan
- menjadikan STP sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan PdP secara eksplisit dan berkesan dengan mengambil kira kesediaan, kebolehan dan minat pelajar dalam penerapan pengajaran pembezaan di bilik darjah.

MLCS percaya bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar Bahasa Melayu dengan sokongan dan dorongan guru yang mengambil kira semua aspek keperluan pembelajaran pelajar secara holistik.

Marilah kita terus mengamalkan PdP yang terbaik untuk membangun para pelajar kita dan terus membudayakan kecemerlangan profesional dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan kepada para pelajar kita.

Guru cemerlang, pelajar budiman.

Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

E-Penerbitan Oktober 2022
© MLCS 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan bahan e-Penerbitan ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh:


Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Proses Pengajaran: Penilaian dan Maklum Balas

Perkara	Kandungan	Halaman
Pengenalan	Penilaian dan Maklum Balas	4
Aspek Pengajaran 22	Menyemak Pemahaman dan Memberikan Maklum Balas	4
Aktiviti Mengajar	1. Menegaskan-Bertanya–Menyarankan (<i>Affirm-Questions-Suggest</i>)	6
	2. Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja (<i>Comment Only Feedback</i>)	8
	3. Mewajarkan Pemikiran Saya (<i>Justify My Thinking</i>)	10
	4. Meter Ibu Jari (<i>Thumbometer</i>)	11
	5. Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak (<i>I Do, I Know, Check</i>)	12
	6. Kongsi Pembelajaran Saya (<i>Share My Learning</i>)	13
Aspek Pengajaran 23	Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	15
Aktiviti Mengajar	1. Mempamer Pemahaman Saya Melalui Peta Minda (<i>Demonstrating My Understanding through Mind Maps</i>)	15
	2. Main Peranan (<i>Role Play</i>)	17
	3. Perbincangan Forum Dalam Talian Berstruktur (<i>Facilitating Online Forum Discussion</i>)	19
Aspek Pengajaran 24	Menyediakan Tugas yang Bermakna	20
Aktiviti Mengajar	1. Unjuk dan Ujar (<i>Show and Tell</i>)	21
	2. Latihan untuk Menguasai (<i>Practice for Mastery</i>)	23
	3. Pilihan Awak (<i>Your Choice</i>)	24

Rujuk laman web wiki STP dalam OPAL2.0:

	https://www.opal2.moe.edu.sg/csl/s/singapore-teaching-practice/wiki/overview/list-categories
---	---

PENGENALAN PENILAIAN DAN MAKLUM BALAS

Penilaian formatif dilaksanakan untuk mengumpul bukti dan informasi sejauh mana pelajar memahami dan mampu melakukan tugas yang diberikan. Hal ini selaras dengan **Falsafah Kurikulum Singapura** yang menjelaskan bahawa penilaian merupakan sebahagian penting dalam proses pembelajaran. Penggunaan informasi penilaian secara formatif membantu guru untuk mengenal pasti jurang pembelajaran dan memperbaiki mutu pengajaran. Menyemak pemahaman dan memberikan maklum balas merupakan pendekatan penting dalam penilaian formatif. Menyemak pemahaman memberikan guru maklumat yang tepat tentang jurang pembelajaran. Memberikan maklum balas pula dilakukan untuk merapatkan jurang pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar.

Kedua-duanya membolehkan guru untuk:

- Menjelaskan objektif pelajaran kepada pelajar
- Membimbing pemikiran pelajar sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran
- Menyediakan respons yang tepat dan sesuai dengan pembelajaran pelajar
- Mengubah suai pengajaran untuk menangi jurang pembelajaran
- Menyediakan peluang untuk pelajar menjelaskan bahawa maklum balas telah membantu mereka merapatkan jurang pembelajaran

Guru biasanya akan bertanya soalan untuk menyemak pemahaman pelajar seperti ...

- Apakah perkara yang telah diketahui oleh pelajar?
- Apakah perkara yang ingin diketahui oleh pelajar?
- Sejauh manakah konsep baharu difahami dan dikaitkan oleh pelajar dengan pengetahuan sedia ada mereka?
- Apakah salah faham yang dilakukan oleh pelajar?

Maklum balas dan penilaian amat penting dalam proses pembelajaran pelajar.

ASPEK PENGAJARAN 22: MENYEMAK PEMAHAMAN DAN MEMBERIKAN MAKLUM BALAS

Menyemak pemahaman melibatkan usaha mengenal pasti jurang pemahaman sedia ada pelajar dan hasil pembelajaran yang diharapkan, sementara memberikan maklum balas bertujuan untuk merapatkan jurang antara di mana pelajar berada dan di mana seharusnya mereka berada untuk mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Kedua-dua menyemak dan memberikan maklum balas merupakan proses penilaian formatif yang penting. Penilaian Formatif (FA) yang juga dikenali sebagai Penilaian untuk Pembelajaran (AfL) dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran untuk mengumpul bukti dan maklumat tentang sejauh mana pelajar tahu dan mampu melaksanakan tugas pembelajaran yang diberikan. Perkara ini selaras dengan **Falsafah Kurikulum Singapura** yang melihat penilaian sebagai sebahagian penting dalam proses pembelajaran. Menggunakan maklumat yang diperoleh daripada proses penilaian membolehkan guru mengenal pasti kekuatan pelajar, menangani

jurang pembelajaran, dan memperbaiki amalan pengajaran. Apabila menyemak pemahaman dan memberikan maklum balas, guru

- menjelaskan objektif pelajaran kepada pelajar;
- membimbing metakognisi pelajar sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran;
- menyediakan respons yang tepat pada masanya berkaitan pembelajaran pelajar;
- mengubah pengajaran untuk menangani keperluan pembelajaran pelajar; dan
- membina peluang untuk pelajar menunjukkan bahawa maklum balas yang diberikan telah merapatkan jurang pembelajaran yang pelajar hadapi.

Untuk menyemak pemahaman, guru biasanya bertanyakan soalan sama ada di awal pelajaran atau di akhir pelajaran, secara lisan atau bertulis. Guru mengambil kira pelbagai cara dan bentuk untuk menyemak pemahaman berdasarkan kemahiran memerhati.

Menerusi soalan dan pemerhatian guru terhadap apa yang dilakukan pelajar baik secara lisan, penulisan atau melakukan sesuatu (Griffin, 2007; Sawyer, 2014), guru boleh tahu,

- Apa yang diketahui pelajar (contohL mengaktifkan pengetahuan sedia ada),
- Apa yang pelajar tidak tahu,
- Sejauh mana konsep baharu difahami pelajar semasa mereka membuat kaitan, dan
- Salah faham yang berlaku atau pemahaman yang salah pelajar.

Berdasarkan objektif pelajaran, respon pelajar terhadap soalan yang diberikan oleh guru boleh dianalisis dan membantu guru memahami apa yang telah dipelajari oleh pelajar, dan mengetengahkan jurang pembelajaran yang ada. Dengan menganalisis sejauh mana pelajar sudah faham membantu guru membuat keputusan yang wajar berkaitan rancangan pengajaran seterusnya.

Selain menyesuaikan amalan pengajaran seterusnya untuk membantu pelajar dalam pembelajaran, guru boleh menggunakan maklumat tersebut untuk memberikan maklum balas kepada pelajar agar pelajar mempunyai maklumat yang diperlukan untuk merapatkan jurang pembelajaran mereka atau dipandu untuk mencuba strategi pembelajaran alternatif untuk mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Maklum balas guru boleh memantau pelajar untuk melakukan refleksi secara sendiri tentang pembelajaran mereka (Contoh: bagaimana mereka belajar dan sejauh mana mereka telah belajar).

Maklum balas boleh diberikan secara lisan atau penulisan. Apabila merancang untuk memberikan maklum balas, guru perlu mengambil kira kesesuaian masa dan sejauh mana perancangan diperlukan untuk memberikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, berkaitan dengan tugas pembelajaran dan keperluan pembelajaran pelajar (Shute, 2008).

Maklum balas selalunya diberikan oleh guru pada pelajar. Namun begitu, maklum boleh juga diberikan oleh pelajar kepada guru, atau dalam bentuk maklum balas daripada rakan sebaya semasa pelajar belajar diperlukan untuk belajar daripada satu sama lain (Willian & Leahy, 2015). Guru harus memberikan bimbingan sebelum terlibat dalam aktiviti memberikan maklum balas kepada rakan sebaya.

Setelah maklum balas diberikan, guru perlu menyemak bahawa pelajar telah memahami maklum balas yang diberikan. Guru perlu menyediakan peluang untuk pelajar meminta

penjelasan tentang idea atau pemikiran, untuk melakukan refleksi dan bertindak berdasarkan maklum balas yang diterima, dan memaparkan pembelajaran mereka.

Kesesuaian dan keberkesanan maklum balas hanya boleh diberikan sekiranya maklumat yang diperoleh daripada pelajar atau menerusi pemerhatian guru menunjukkan bahawa pelajar telah tahu atau sebaliknya, atau apa yang boleh pelajar lakukan atau tidak. Oleh sebab itu, reka bentuk dan penyampaian tentang pembelajaran haruslah dipandu oleh tujuan yang jelas dan selaras dengan hasil pembelajaran yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran.

Apabila maklum balas digunakan secara sesuai, ia memperbaiki pelajar dari segi


- pencapaian dalam tugas yang diberikan (menerusi maklum balas yang diberikan),
- pemahaman tentang bagaimana dan apa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas (menerusi maklum balas yang diberikan); dan
- kemampuan pelajar untuk memantau secara sendiri atau mengawal tindakan dan rentak pembelajaran mereka yang menjadi sebahagian daripada proses metakognisi (menerusi maklum balas di peringkat sendiri) (Hattie & Timperly, 2007). Ini bermakna, maklum balas boleh menggalakkan orientasi matlamat pembelajaran berbanding orientasi pencapaian matlamat, dengan meningkatkan keupayaan pelajar untuk melakukan penilaian sendiri, keyakinan mereka untuk terlibat aktif dalam tugas selanjutnya, dan kemahuan mereka untuk berusaha memperbaiki pembelajaran daripada maklum balas yang diterima.


Dari sudut perspektif pelajar, menyemak untuk memahami dan memberikan maklum balas boleh membantu mereka dalam menangani soalan berikut:

1. Ke mana saya akan pergi? Apakah yang dimahukan dalam objektif pelajaran?
2. Di mana saya sekarang? Sejauh manakah saya telah maju berkaitan objektif pembelajaran saya?
3. Bagaimana saya hendak merapatkan jurang pembelajaran? Apakah yang perlu saya lakukan untuk meningkatkan pembelajaran saya?

(Nota: Dalam kajian literatur, beberapa pengkaji menggunakan istilah 'AfL' dan 'FA' silih berganti (Hargreaves, 2005; Harlen, 2009; James & Pedder, 2006).


AKTIVITI MENGAJAR 1: MENEGASKAN-BERTANYA –MENYARANKAN (*AFFIRM-QUESTIONS-SUGGEST*)


<p>Apa</p> 	<p>Menegaskan-Bertanya-Menyarankan atau <i>Affirm-Question-Suggest</i> (AQS) merupakan strategi untuk memupuk komen dan maklum balas berkualiti. Strategi ini diadaptasi daripada strategi 'Puji-Tanya-Serlahkan (<i>Praise-Question-Polish</i>)' (Bill, 1981). Strategi ini menyediakan cara bagi pelajar menyusun dan memberikan maklum balas secara lisan dan penulisan antara satu sama lain.</p> <p>Penggunaan AQS membantu pelajar mengenal pasti salah faham di sebalik pemikiran mereka dan menanganinya. AQS sesuai untuk memberikan maklum balas berkaitan tugas pelajaran yang bersikap terbuka agar pelajar mempunyai ruang untuk bertindak berdasarkan maklum balas yang diterima daripada rakan-rakan mereka untuk meningkatkan mutu</p>
---	--

	<p>tugasan. Satu bukti jelas bahawa Aktiviti Mengajar ini berkesan adalah apabila pelajar memberikan maklum balas yang bermakna kepada tugas rakan-rakan mereka.</p> <p>AQS boleh digunakan oleh pelajar apabila diberikan tugas untuk memberikan maklum balas kepada rakan-rakan dalam kerja berpasangan atau berkumpulan untuk menyokong idea atau ulang kaji.</p>
<p>Bagaimana caranya</p> 	<p>Untuk memastikan AQS dapat dilaksanakan dengan baik, pelajar perlu jelas akan kriteria kejayaan berkaitan tugas yang akan dilakukan. Perkara ini boleh dijelaskan secara eksplisit oleh guru dengan menjelaskan contoh kriteria kejayaan yang betul. Pelajar boleh diberikan panduan, senarai semak atau langkah-langkah berserta soalan panduan dan frasa untuk membantu pelajar memulakan tugas. Perkara ini penting terutamanya bagi pelajar yang buat pertama kali menggunakannya atau pelajar yang memerlukan sokongan (SEN).</p> <p>Langkah 1: Menegaskan</p> <p>Minta pelajar menjelaskan kekuatan atau perkara yang mereka suka tentang tugas yang dilakukan oleh rakan berdasarkan kriteria kejayaan. Guru boleh menggunakan soalan panduan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apakah kekuatan tugas yang dilakukan oleh rakan kamu? • Apakah yang kamu suka tentang tugas yang dilakukan oleh rakan kamu? <p>Kamu boleh juga menggunakan frasa berikut untuk mula memberikan pandangan tentang tugas yang dilakukan oleh rakan kamu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saya suka idea tentang ... • Bahagian yang paling saya suka ialah ... • Saya suka cara awak menjelaskan tentang ... • Kerja yang awak lakukan merangsang saya untuk berfikir ... <p>Langkah 2: Bertanya</p> <p>Jemput pelajar untuk bertanyakan soalan yang mencabar untuk melanjutkan perbincangan dan membantu pelajar berfikir dengan lebih mendalam tentang tugas. Guru boleh menggunakan soalan berikut sebagai panduan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apakah soalan yang kamu ada tentang tugas atau penyampaian yang diberikan oleh rakan kamu? • Apakah soalan-soalan yang kamu ada tentang cara rakan kamu menyelesaikan tugas? <p>Guru juga boleh menggunakan frasa berikut untuk memandu pelajar bertanyakan soalan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apakah maksud awak dengan

	<ul style="list-style-type: none"> • Adakah kamu fikir ... • Saya ada soalan tentang ... • Saya setuju dengan ... apakah yang akan awak sarankan... • Saya tidak pasti jika saya faham ... • Adakah kamu setuju bahawa idea tersebut seperti ... • Apa yang saya dengar ialah awak menjangkakan ... <p>Guru juga boleh memikirkan contoh soalan-soalan yang meminta penjelasan dan mencabar pemikiran berdasarkan kriteria kejayaan.</p> <p>Langkah 3: Saranan</p> <p>Minta pelajar memberikan saranan pembaikan pada tugas rakan berdasarkan kriteria kejayaan, tanpa membuat perubahan secara nyata pada tugas rakan sebaya tersebut. Guru boleh menggunakan soalan panduan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apakah yang akan diperlukan oleh rakan kamu untuk memperbaiki tugasannya? • Apakah cara-cara lain yang boleh digunakan untuk rakan kamu menyampaikan idea mereka dengan lebih baik? <p>Kamu boleh menggunakan frasa berikut untuk memandu pelajar memberikan saranan yang konstruktif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mungkin kamu mahu menambah ... • Mungkin kamu boleh menambah ... • Boleh anda pertimbangkan ... • Mungkin kamu mahu menukar ... • Boleh kamu tambah maklumat di bahagian ini ... • Mungkin kamu boleh padam atau buang bahagian ini ... <p>Guru boleh menyediakan beberapa frasa lain atau frasa adjektif lain yang boleh menyokong pelajar masih memerlukan sokongan untuk melakukan aktiviti mengajar ini.</p>
--	---


AKTIVITI MENGAJAR 2: MAKLUM BALAS DALAM BENTUK KOMEN SAHAJA (COMMENT ONLY FEEDBACK)


<p>Apa</p> 	<p>Maklum balas dalam bentuk komen sahaja diberikan dalam bentuk penulisan yang memerlukan guru menulis catatan atau anotasi pada kertas tugas yang dilakukan oleh pelajar. Anotasi guru ini disasarkan untuk memperbaiki pemahaman pelajar dalam bentuk komen tanpa memberikan gred atau markah. Kajian menunjukkan bahawa maklum balas yang diberikan tanpa menunjukkan markah dan bersifat tidak menilai atau menghukum, boleh meningkatkan pembelajaran pelajar.</p>
---	--

	<p>Memberikan maklum balas secara komen sahaja menggalakkan pelajar untuk meningkatkan kerja dan meluaskan pemikiran mereka. Cara ini melibatkan pelajar secara konstruktif untuk melakukan pembaikan agar mencapai sasaran pembelajaran dan membolehkan pelajar untuk menggunakan maklum balas yang diterima sebagai panduan bagi tugas atau pelajaran pada masa akan datang. Ia juga membantu pelajar untuk menyemak semula atau melakukan refleksi mengenai tanggapan awal atau pemikiran mereka, dan sejauh mana mereka memahami konsep atau topik. Sekiranya perkara ini digunakan sebagai aktiviti pencetus atau <i>'trigger'</i> di peringkat awal pelajaran, atau setelah guru mengajar sesuatu konsep atau topik, ia akan membantu pelajar untuk mencapai pemahaman konseptual mengenai perkara yang perlu mereka pelajari.</p> <p>Memberikan maklum balas dalam bentuk komen sahaja memberi peluang kepada guru untuk membina budaya positif di bilik darjah yang memberi tumpuan kepada kejayaan. Tambahan, dalam usaha kita membina pelajar yang mampu belajar secara sendiri, memberikan maklum balas berbentuk komen sahaja merupakan wadah atau platform yang melibatkan pelajar berfikir dan mengenal pasti cara-cara untuk meningkatkan pembelajaran.</p> <p>Semasa menulis maklum balas, pastikan komen-komen yang ditulis tidak bersifat menghukum, tetapi cukup eksplisit sifatnya, untuk memberitahu pelajar cara-cara untuk memperbaiki hasil kerja mereka, untuk menggalakkan mereka memikirkan semula idea mereka, dan untuk merangsang mereka untuk mengambil kira pandangan alternatif atau pandangan lain. Maklum balas yang diberikan kepada pelajar perlu dilakukan dengan membolehkan mereka memilih atau mengambil keputusan bagi diri mereka sendiri sekiranya mereka telah memberikan respons yang sewajarnya untuk mencapai objektif pelajaran.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Pelajar ditugaskan untuk melengkapkan jurnal dan diberikan satu daripada soalan panduan bagi tugas tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apakah yang telah anda pelajari mengenai topik yang diberikan? dan • Sekiranya ada rakan kamu yang tidak hadir bagi pelajaran hari ini, apakah yang akan kamu tulis atau e-mel untuk membantu rakan kamu memahami topik yang diajarkan pada hari ini? <p>Langkah 2: Kumpulkan jurnal yang telah diselesaikan oleh pelajar. Teliti jurnal-jurnal tersebut dan berikan maklum balas. Pastikan bahawa maklum</p>


	<p>balas yang diberikan harus memberi tumpuan kepada tugas, proses atau cara bagaimana pelajar boleh memperbaiki mutu tugas mereka secara sendiri.</p> <p>Semasa memberikan maklum balas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • komen haruslah eksplisit bentuknya, dan guru juga harus sedar bahawa pelajar juga boleh berkemungkinan gagal memahami maklum balas yang diberikan seperti yang diharapkan oleh guru; • komen harus spesifik tentang apa yang pelajar harus lakukan dengan komen tersebut; dan • berikan tumpuan untuk berkongsi kepada pelajar cara untuk memperbaiki tugas mereka atau menjelaskan mengapa tugas pelajar tersebut dianggap baik. <u>Namun begitu, elakkan daripada berkongsi kedua-dua perkara secara serentak.</u>
--	--


AKTIVITI MENGAJAR 3: MEWAJARKAN PEMIKIRAN SAYA (*JUSTIFY MY THINKING*)

<p>Apa</p> 	<p>Mewajarkan Pemikiran Saya (<i>Justify My Thinking</i>) menggunakan dua bahagian soalan untuk menyemak pemahaman pelajar. Bahagian satu mengandungi soalan dan jawapan dalam bentuk soalan tertutup seperti MCQ, soalan betul salah atau soalan terbuka. Bahagian dua soalan memerlukan pelajar memberikan justifikasi pada jawapan di bahagian satu.</p> <p>Daripada respons yang diberikan oleh pelajar, guru boleh memahami pemikiran dan pemahaman pelajar berkaitan perkara yang diajarkan. Oleh itu, guru tidak perlu mengagak apakah yang sedang difikirkan oleh pelajar. Hal ini membolehkan guru melakukan perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengenal pasti kelemahan dan kekuatan pelajar dalam proses pembelajaran • menyediakan sokongan terhadap keperluan pembelajaran pelajar dengan memberikan maklum balas yang diperlukan pada bahagian yang tidak diketahui oleh pelajar <p>Daripada perspektif pelajar, Aktiviti Mengajar ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kekuatan dan memperbaiki kelemahan. Apabila kekuatan dan kelemahan dikenal pasti, pelajar boleh bertindak berdasarkan maklum balas yang diberikan untuk merapatkan jurang pembelajaran.</p> <p>Aktiviti Mengajar ini boleh digunakan untuk menyemak pemahaman pelajar berdasarkan topik atau konsep. Ia juga boleh digunakan</p>
---	--


	<p>sebagai aktiviti untuk mencetuskan pemikiran atau aktiviti menghampiri bahagian akhir pelajaran. Guru juga boleh menggunakan aktiviti ini sebagai asas bagi perbincangan dalam kumpulan kecil. Dengan data yang dikumpulkan daripada respons pelajar, guru boleh melaksanakan atau mengadaptasi pelajaran bagi merapatkan jurang pembelajaran dalam proses pembelajaran pelajar.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Bina satu atau dua soalan. Bagi setiap soalan, bahagian pertama disampaikan dalam bentuk soalan tertutup atau soalan terbuka. bahagian kedua pula biasanya disampaikan dalam bentuk soalan terbuka yang memerlukan pelajar memberikan rasional dan kewajaran bagi respons mereka kepada soalan di bahagian pertama.</p> <p>Langkah 2: Berikan pelajar anda dua bahagian soalan untuk menyemak pemahaman di peringkat-peringkat tertentu dalam proses pembelajaran. Sediakan arahan kepada pelajar untuk memberikan respons dan memberikan alasan atau sebab untuk mewajarkan respons mereka.</p> <p>Langkah 3: Analisis respons yang diberikan oleh pelajar untuk menyemak pemahaman pelajar tentang topik atau konsep. Pelajar memberikan sebab atau justifikasi di bahagian dua. Di sini guru boleh meneliti jika pelajar telah berjaya memahami pelajaran yang dilalui dan juga mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan atau sokongan tambahan.</p>


AKTIVITI MENGAJAR 6: METER IBU JARI (*THUMBOMETER*)

<p>Apa</p> 	<p>Meter Ibu Jari atau <i>Thumbometer</i> merupakan pendekatan mengundi. Ia memerlukan pelajar terlibat dengan menggunakan ibu jari masing-masing untuk menandakan respons mereka kepada soalan yang ditanyakan oleh guru.</p> <p>Posisi ibu jari yang menunjukkan ke atas, ke sisi (kiri atau kanan) dan ke bawah mempamerkan persetujuan pelajar yang berbeza-beza. Meter Ibu Jari merupakan cara pantas untuk menandakan bahawa pelajar faham konsep dan dapat mengikuti pelajaran dengan baik atau tidak.</p>
---	---


	<p>Posisi ibu jari yang menunjukkan ke atas menunjukkan bahawa pelajar faham dan dapat memahami pelajaran dengan baik. Posisi ibu jari ke sisi (kiri atau kanan) menandakan bahawa pelajar masih kurang faham atau ada perkara yang mereka tidak faham dalam pelajaran yang diajarkan. Posisi ibu jari ke bawah menandakan pelajar tidak faham langsung pelajaran yang diajarkan.</p> <p>Ada dua cara untuk melaksanakan Aktiviti Mengajar ini. Pertama, bina soalan objektif tertutup yang memerlukan pelajar memberikan jawapan dengan satu atau dua perkataan sahaja yang dipilih pelajar untuk menunjukkan posisi ibu jari mereka ke atas, ke sisi atau ke bawah.</p> <p>Kedua, guru boleh meminta pelajar berfikir tentang bagaimana perasaan mereka terhadap pernyataan atau senario yang diberikan. Pelajar mempamerkan perasaan mereka berkaitan dengan pernyataan yang diberikan dengan menggenggam tangan (bermakna kosong) hingga membuka kesemua jari (5 jari) untuk menandakan 'rating' atau pilihan mereka menggunakan jari-jari mereka.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Ibu jari ke atas sekiranya ...</p> <p>Langkah 2: Ibu jari ke sisi (kiri atau kanan) sekiranya ...</p> <p>Langkah 3: Ibu jari ke bawah sekiranya ...</p> <p>Langkah 4: (Pilhan) Minta pelajar berkongsi pembelajaran mereka dengan rakan-rakan mereka. Rakan mereka boleh memberikan maklum balas atau meminta penjelasan mengenai perkara yang dikongsi.</p>


AKTIVITI MENGAJAR 5: SAYA BUAT, SAYA TAU, SAYA SEMAK (I DO, I KNOW, I CHECK)

<p>Apa</p> 	<p>Saya Buat, Saya Tahu dan Saya Semak ialah senarai semak yang guru gunakan untuk memantau pelajar dan menyemak pengajaran mereka sendiri. Ia juga boleh digunakan untuk menggalakkan pembelajaran kolaboratif dalam kalangan pelajar. Senarai semak mengandungi usulan untuk pelajar melakukan refleksi perkara yang mereka telah kuasai, dan menyemak pemahaman mereka secara sendiri dan kemahiran yang telah mereka kuasai. Apabila guru meneliti respons pelajar, guru boleh mendapatkan maklumat yang</p>
---	--

	berguna mengenai pengajaran dan perancangan pengajaran mereka.
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Bina senarai semak Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak dengan menyelaraskan butiran-butirannya dengan objektif pelajaran.</p> <p>Langkah 2: Berikan pelajar senarai semak Saya Buat, Saya Tahu dan Saya Semak selepas satu segmen pelajaran atau di akhir pelajaran.</p> <p>Langkah 3: Tunjuk cara atau lakukan demonstrasi bagaimana hendak menggunakan senarai semak tersebut dengan menandakan 'betul' bagi bahagian-bahagian tertentu pada senarai semak yang disediakan oleh guru. Jelaskan juga bagaimana pelajar boleh menulis komen mereka menggunakan senarai semak tersebut.</p> <p>Langkah 4: Kumpulkan semula senarai semak yang telah ditandakan oleh pelajar dan imbas jawapan dan respons pelajar untuk menyemak pemahaman mereka. Gunakan informasi yang diperolehi untuk memberikan maklum balas yang berguna kepada pelajar.</p>

AKTIVITI MENGAJAR 5: KONGSI PEMBELAJARAN SAYA (*SHARE MY LEARNING*)

<p>Apa</p> 	<p>Kongsi Pembelajaran Saya membolehkan guru menyediakan pelajar dengan peluang untuk pelajar menyampaikan apa yang dipelajari secara lisan. Hal ini membantu pelajar untuk menjelaskan pembelajaran mereka. Ia juga membolehkan rakan sebaya, termasuk guru, untuk menyemak pemahaman pelajar dan memberikan maklum balas bagaimana pelajar boleh mempertingkatkan pembelajaran mereka.</p> <p>Prinsip asasnya mengenai hal ini ialah, pembelajaran merupakan satu proses yang aktif dan ia berlaku apabila pelajar terlibat aktif dalam pembinaan makna dan pengetahuan. Pada masa yang sama, aktiviti tersebut menyediakan guru dengan peluang untuk menyemak pemahaman pelajar bagi tujuan perancangan pengajaran seterusnya.</p> <p>Kongsi Pembelajaran Saya membolehkan pelajar memainkan peranan yang lebih aktif untuk membina makna perkara yang dipelajari dan</p>
---	--


	<p>menyediakan mereka peluang untuk menyampaikan apa yang dipelajari kepada rakan mereka.</p> <p>Kongsi Pembelajaran Saya boleh dijalankan secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil sebanyak 3 atau 4 pelajar pada masa-masa yang sesuai semasa proses pembelajaran untuk meringkaskan perkara yang mereka telah pelajari. Dalam bilik darjah, guru boleh melaksanakan Aktiviti Mengajar ini setelah guru mengajar topik atau konsep, atau sebagai kesimpulan kepada pelajaran.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Berikan taklimat kepada pelajar mengenai kongsi pembelajaran saya sebelum memulakan pembelajaran supaya mereka tahu apa yang perlu dilakukan dan lebih bersedia untuk melaksanakan aktiviti tersebut.</p> <p>Langkah 2: Arahkan pelajar untuk mencatat nota semasa pelajaran berlangsung.</p> <p>Langkah 3: Berikan masa untuk pelajar berfikir bagaimana mereka ingin meringkaskan dan menyediakan contoh-contoh yang baik dan dapat difahami oleh pelajar yang lain. Guru memberitahu pelajar bahawa mereka akan diberikan masa 10 minit untuk membuat persediaan bagi aktiviti tersebut.</p> <p>Langkah 4: Minta pelajar berkongsi pembelajaran mereka dengan rakan. Pelajar diingatkan supaya bersopan, dan mendengar dengan teliti semasa rakan mereka bercakap. Pasangan rakan masing-masing perlu memberikan maklum balas atau bertanyakan soalan untuk meminta penjelasan mengenai perkara yang dikongsi.</p> <p>Langkah 5: Berjalan sekeliling kelas dan mendengar perbualan pelajar. Gunakan informasi yang dikumpulkan untuk tujuan maklum balas dan menyemak pemahaman pelajar mengenai pelajaran yang dilalui.</p> <p>Langkah 6 (Pilihan): Pilih satu pasangan pelajar untuk berkongsi pembelajaran yang dilalui di hadapan kelas.</p> <p>Langkah 7: Rumuskan pembelajaran dan betulkan salah faham pelajar jika ada.</p>


ASPEK PENGAJARAN 23: MENYOKONG PEMBELAJARAN SECARA KENDIRI

Pembelajaran secara sendiri melibatkan usaha memulakan aktiviti yang mencabar secara sendiri dan membina pengetahuan dan kemahiran untuk mengatasi cabaran dengan berkesan (Gibbons, 2012). Seperti yang dipaparkan dalam **Falsafah Kurikulum Singapura**, pelajar terlibat dalam pembelajaran secara sendiri akan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri, menguruskan dan memantau pembelajaran mereka sendiri dan meluaskan pembelajaran mereka kepada konteks yang baharu, atau belajar melangkaui kurikulum. Terdapat pelbagai kontinum dalam pembelajaran secara sendiri bermula dari pembelajaran secara sendiri yang tidak dirancang (*incidental self-directed learning*) dan aktiviti pembelajaran secara sendiri dimasukkan sebagai sebahagian daripada pelajaran (contohnya: pelajar membaca petikan secara sendiri dan kemudiannya menyumbang kepada perbincangan di dalam kelas), kepada pembelajaran secara sendiri sepenuhnya iaitu pelajar memilih hasil pembelajaran, mereka bentuk aktiviti pembelajaran sendiri, dan mendalami pembelajaran secara sendiri (Gibbons, seperti yang dirujuk dalam *Educational Technology Division*, 2011).



Semasa mereka bentuk aktiviti pembelajaran secara sendiri, guru harus jelas tentang tujuan pembelajaran. Guru perlu mengambil kira kesediaan pelajar dan menyediakan mereka dengan hasil pembelajaran yang jelas, kriteria kejayaan, pengajaran yang jelas, bahan pembelajaran yang mencukupi, dan skop serta urutan pembelajaran yang spesifik. Penggunaan penilaian yang bermakna untuk menyediakan pelajar dengan maklum balas, dan peluang untuk membolehkan pelajar terlibat aktif dalam proses penilaian dan mampu untuk memantau perkembangan masing-masing merupakan faktor yang penting dalam menyokong pembinaan kemahiran pembelajaran secara sendiri, seperti yang diharapkan dalam **Falsafah Kurikulum Singapura**.

AKTIVITI MENGAJAR 1: MEMPAMER PEMAHAMAN SAYA MELALUI PETA MINDA (*DEMONSTRATING MY UNDERSTANDING THROUGH MIND MAP*)

<p>Apa</p> 	<p>Satu daripada matlamat Pembelajaran Secara Kendiri adalah untuk pelajar mengurus dan memantau pembelajaran mereka sendiri. Peta Minda boleh digunakan untuk membantu pelajar menjelaskan dan memahami secara mendalam pemahaman konsep yang dipelajari. Walaupun semua peta minda mempunyai ciri-ciri yang sama (contohnya: idea utama biasanya diletakkan di tengah-tengah peta minda), setiap peta minda unik kepada setiap individu yang membinanya, disebabkan peta minda tertentu yang dibina pelajar berdasarkan bagaimana pelajar tersebut memberi makna kepada perkara yang dipelajari. Meminta pelajar untuk membina peta minda merupakan cara yang baik untuk pelajar mengawal dan menguruskan pembelajaran mereka sendiri, dan untuk guru menilai pemahaman pelajar.</p>
---	--

	<p>Aktiviti ini boleh dijalankan setelah pelajar diajarkan sesuatu konsep atau topik.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Tunjukkan proses membina peta minda, terutamanya kepada pelajar yang belum atau berpeluang untuk membina peta minda sebelum ini. Guru boleh melakukan hal ini seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lukis peta minda dengan menulis idea utama di bahagian tengah kertas supaya ada ruang yang mencukupi untuk meluaskan idea dengan penghubung di setiap arah. Secara alternatifnya, satu objek atau gambar boleh digunakan untuk mewakili idea yang penting yang di tengah-tengah (<i>central idea</i>) 2. Gunakan warna yang berbeza dan pastikan rangkaian penghubung keluar daripada idea penting yang di tengah-tengah. Luaskan kepada dahan-dahan yang kedua dan ketiga daripada dahan yang pertama dan kedua untuk menunjukkan bagaimana idea yang berbeza tetapi berkaitan. Jelaskan kepada pelajar bahawa tahap dan peringkat dalam peta minda ditentukan oleh mereka sendiri. Gunakan garisan yang boleh dibengkokkan daripada menggunakan garisan yang lurus untuk membina aliran (<i>flow</i>) 3. Gunakan satu perkataan sebagai kata kunci bagi setiap garisan seberapa yang boleh kerana hal ini sudah mencukupi untuk menggambarkan perkara yang penting dalam proses pemikiran dan memudahkan pelajar untuk mengingatnya. Objek atau gambar juga boleh digunakan selain perkataan. <p>Langkah 2: Beritahu pelajar peruntukan masa yang diberikan untuk melengkapkan aktiviti dan pantau perkembangan pelajar semasa mereka melaksanakan aktiviti tersebut. Sebelum memulakan kerja atau tugas, adalah penting untuk mengingatkan pelajar bahawa fokus utama aktiviti tersebut adalah untuk menjelaskan pemahaman mereka, dan bukan untuk menghasilkan sebuah peta minda yang cantik.</p> <p>Langkah 3: Minta pelajar berkongsi pemahaman mereka dalam perbincangan kumpulan, dan gunakan informasi yang diperoleh daripada perbincangan (berdasarkan peta minda) untuk melibatkan pelajar dalam perkongsian seluruh kelas mengenai pemahaman mereka tentang konsep yang dipelajari. Aktiviti ini membolehkan guru untuk mengambil keputusan mengenai langkah-langkah seterusnya dalam perancangan pelajaran.</p>

AKTIVITI MENGAJAR 2: MAIN PERANAN (ROLE PLAY)

<p>Apa</p> 	<p>Main Peranan merupakan satu bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman di mana pelajar memainkan peranan atau watak yang dibeirkan dan terlibat dalam pembelajaran menerusi perpektif watak tersebut. Ini merupakan satu bentuk pembelajaran sendiri berdasarkan paradigma pembelajaran konstrutivis. Pelajar membina pengetahuan secara sendiri tentang peranan yang dilakonkan berdasarkan kajian, pengalaman peribadi dan proses berekperimen yang berterusan. Menerusi Main Peranan, pelajar bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri semasa membina pengetahuan tentang watak yang dimainkan. Aktiviti ini juga menjana rasa teruja dan minat disebabkan Main Peranan melibatkan pembelajaran aktif menerusi pelibatan dan pemerhatian.</p> <p>Menerusi Main Peranan, pelajar bukan sahaja mendapat peluang untuk mempamerkan pemahaman tentang konsep atau memperdalam kesedaran tentang sesuatu isu, tetapi juga membina kreativiti, imaginasi, rasa empati dan kemahiran berkomunikasi secara lisan. Semua kemahiran ini merupakan kecekapan Abad ke-21 yang penting yang ingin kita bina dalam diri pelajar.</p> <p>Guru perlu juga peka dan sensitif tentang keperluan pelajar SEN (Contoh: pelajar yang mempunyai Autism Spectrum Disorder (ASD)) semasa mengendalikan aktiviti Main Peranan. Guru perlu membuat penilaian sama ada pelajar tersebut selesa untuk terlibat dalam aktiviti Main Peranan dan bersedia untuk menangani keadaan sekiranya pelajar tersebut tidak mahu terlibat dalam aktiviti Main Peranan yang dirancang.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1a: Persediaan untuk Main Peranan oleh Guru</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tentukan topik yang relevan bagi aktiviti Main Peranan. Objektif dan matlamat Main Peranan perlu dijelaskan kepada pelajar. 2. Tentukan peranan kepada para pelajar berdasarkan jenis Main Peranan yang dipilih. Contohnya, <ul style="list-style-type: none"> ○ Sediakan ‘topi’ (atau Kad Nama). Pelajar yang diberikan ‘topi’ atau Kad Nama yang mengandungi nama watak perlu melakonkan watak atau Main Peranan watak tersebut. . Assigning students ‘hats’ (or tags), whereby students are given hats (or tags) bearing the name of the character they will enact. ○ ‘Kerusi Panas’. Pelajar diberikan watak yang perlu mereka lakonkan apabila diminta untuk duduk di ‘Kerusi Panas’ dan perlu menjawab soalan-soalan rakan-rakan mereka berkaitan peranan watak yang diberikan. Pastikan pelajar

yang perlu duduk di 'Kerusi Panas' diberikan maklumat yang secukupnya untuk melakonkan watak agar mampu menjawab soalan-soalan yang akan ditanyakan oleh rakan-rakan sekelas.

- Main Peranan mengikut situasi. Pelajar perlu memainkan peranan mengikut situasi atau keadaan. Mungkin ada pelajar yang tidak biasa dengan keadaan ini. Bantu pelajar untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyokong mereka dalam menghasilkan kad peranan mereka masing-masing.

Step 1b: Persediaan untuk Main Peranan oleh pelajar

1. Bergantung pada jenis Main Peranan, pelajar perlu diberikan cukup masa untuk melakukan persediaan bagi bahagian mereka. Depending on the type of *role play*, students need to be given adequate time to prepare for their part.
2. Pelajar boleh mendapatkan bantuan daripada guru, dalam bentuk konsultasi dan mendapatkan maklum balas semasa di peringkat persediaan. Pelajar boleh merujuk bahan-bahan yang ada sebagai persediaan bagi aktiviti Main Peranan.

Langkah 2: Melaksanakan Main Peranan



1. Ingatkan pelajar tentang objektif bagi aktiviti Main Peranan dan sediakan konteks bagi situasi atau latar Main Peranan agar aktiviti Main Peranan boleh berlangsung dengan lancar.
2. Berhati-hati tentang masa yang digunakan dan berikan isyarat kepada pelajar jika perlu agar pelajar tahu baki masa yang mereka ada untuk menamatkan tugas Main Peranan. Guru boleh melantik seorang pelajar untuk menjaga waktu dan menentukan penggunaan jumlah kad atau pengira masa digital untuk memberitahu baki masa yang mereka ada untuk menyelesaikan tugas Main Peranan.

Langkah 3: Taklimat Selepas Main Peranan

1. Pastikan guru memperuntukkan masa untuk pelajar berkongsi pembelajaran, perasaan dan pemikiran semasa melaksanakan aktiviti Main Peranan. Taklimat selepas tamat aktiviti Main Peranan merupakan bahagian penting yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk melakukan refleksi dan berbincang dalam kumpulan tentang apa yang dipelajari dalam proses pembelajaran tersebut.
2. Benarkan pelajar untuk bercakap terlebih dahulu daripada terus mengawal dan melaksanakan aktiviti refleksi. Pastikan pelajar

	<p>tahu peraturan atau rutin bagi melaksanakan aktiviti refleksi agar fokus pada pembelajaran.</p> <p>3. Dapatkan respons pelajar mengenai kerelevanan aktiviti tersebut dan bagaimana pelajar boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan mereka.</p>
--	--

AKTIVITI MENGAJAR 3: FORUM PERBINCANGAN DALAM TALIAN BERSTRUKTUR (*FACILITATING ONLINE FORUM DISCUSSION*)

<p>Apa</p> 	<p>Perbincangan Forum dalam Talian Berstruktur merupakan satu platform untuk menggalakkan pembelajaran secara sendiri kerana ia menyediakan peluang kepada pelajar untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri, menguruskan dan memantau pembelajaran mereka secara sendiri. Forum dalam talian merupakan platform berkomunikasi yang boleh digunakan oleh ramai pengguna secara serentak dan umumnya menerusi perhubungan teks yang ditaip, untuk bertukar-tukar pengalaman, idea dan informasi (Feerst & Steward, 2008).</p> <p>Untuk memudah cara pembelajaran secara sendiri menggunakan forum dalam talian, adalah perlu untuk mempunyai struktur untuk memandu perbincangan. Guru boleh bertanyakan soalan jenis terbuka atau meminta pelajar memberikan pendapat yang disokong oleh bukti. Pelajar kemudiannya boleh melakukan kajian untuk menyokong bukti tersebut.</p> <p>Aktiviti ini boleh membantu pelajar mempamerkan pemahaman tentang topik atau konsep.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Membina forum perbincangan dalam talian (<i>Creating the online discussion forum</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bina forum dalam talian menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran milik sekolah (LMS) ataupun gunakan platform lain seperti Edmodo atau TitanPad. Pemilihan wadah atau platform haruslah berdasarkan bagaimana sistem tersebut menyokong pembelajaran secara berkesan dan bukan sekadar adanya ciri-ciri menarik dalam platform yang dipilih. • Bina format forum dengan mengambil kira perkara yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Nyatakan tujuan dan objektif forum dengan jelas. 2. Tentukan topik bagi perbincangan, dan kirimkan soalan atau pernyataan yang telah ditentukan ke forum dalam talian yang telah disediakan. Aktiviti ini lebih berkesan apabila jenis soalan yang ditanyakan berbentuk soalan terbuka atau pernyataan

	<p>yang boleh dibahaskan dari pelbagai sudut pandangan. Contohnya: Kamu tidak memerlukan teknologi untuk hidup selesa di dunia.</p> <p>3. Tentukan masa bagi pelajar untuk memberikan respons terhadap pernyataan yang diberikan oleh guru.</p> <p>Langkah 2: Memberikan taklimat kepada pelajar mengenai aktiviti yang akan dilakukan (<i>Briefing students about the activity</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beritahu pelajar rasional pelaksanaan aktiviti dan bagaimana pelibatan pelajar akan dinilai. • Jelaskan kepada pelajar format perbincangan. Contohnya, selepas pelajar menyatakan pandangan mereka, pelajar perlu memberikan bukti-bukti atau alasan-alasan untuk menyokong pandangan mereka dengan mengemukakan data, sebab, informasi atau contoh. • Tunjukkan kepada pelajar bagaimana forum perbincangan dalam talian seharusnya dilakukan oleh pelajar, dan bagaimana mereka boleh mendapatkan bantuan teknikal jika perlu. <p>Langkah 3: Menguruskan Forum Perbincangan (<i>Managing the forum discussion</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berikan masa kepada pelajar untuk berkongsi pengalaman mereka dalam perbincangan forum dalam talian terutama sekali sekiranya aktiviti itu merupakan aktiviti pertama kali mereka lakukan • Jelaskan dan tangani cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika menggunakan platform forum dalam talian, ataupun isu-isu yang terkeluar daripada tajuk atau topik perbincangan, atau perbualan dan pendapat yang tidak relevan, jika ada. <p>Langkah 4: Langkah Susulan (<i>Following-up</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setelah meneliti respons pelajar, gunakan masa dalam kelas untuk menangani salah faham, menggalakkan pelajar untuk terus berbincang mengenai isu yang diperkatakan agar pemahaman pelajar bertambah dalam, atau melakukan kaitan dengan pembelajaran sebelumnya. • Gunakan informasi yang ada untuk melakar pelajaran pada masa hadapan.
--	--

ASPEK PENGAJARAN 24: MENYEDIAKAN TUGASAN YANG BERMAKNA


Menyediakan tugas yang bermakna melibatkan penyediaan tugas atau tugas rumah bagi pelajar untuk diselesaikan semasa dan juga masa di luar kurikulum. Tugas yang bermakna menyokong pengajaran dan pembelajaran dan guru boleh menyemak pemahaman pelajar, mengaktifkan pengetahuan sedia ada dan merangsang minat pelajar tentang sesuatu


topik, dan menyediakan peluang untuk memperkukuh kecekapan bahasa dan meluaskan pembelajaran. Apabila rancangan pelajaran dapat dilaksanakan dengan baik, tugas yang bermakna mengukuhkan dan merumuskan pembelajaran, mencabar pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif, dan membolehkan mereka untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka dalam konteks yang berbeza. Tugas yang diberikan oleh guru boleh dalam bentuk tugas bertulis, persembahan atau membina artifak.

Dengan menganalisis respons pelajar, boleh membantu guru untuk merancang, memilih dan memperbaiki amalan pengajaran agar jurang pembelajaran pelajar dapat ditangani dan meluaskan atau mengaitkan pembelajaran pelajar dengan menyediakan maklum balas yang tepat dan berkesan. Guru boleh menggunakan respons pelajar yang telah dianalisis untuk memberikan mereka tugas selanjutnya. Tujuan melaksanakan tugas selanjutnya adalah agar pelajar mampu mempamerkan bahawa jurang pembelajaran telah dapat dirapatkan dengan menunjukkan pemahaman mereka dan mereka berupaya untuk membuat perubahan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh guru. Hal ini selaras dengan **Falsafah Kurikulum Singapura** yang menjelaskan guru mereka bentuk penilaian dengan tujuan yang jelas, dan menggunakan maklum balas untuk mempertingkatkan pembelajaran pelajar dengan menangani jurang pembelajaran pelajar. Selain itu, apabila guru mereka penilaian untuk menyemak pemahaman dan perkembangan pelajar, guru sebenarnya melaksanakan penilaian berpusatkan pelajar. Tugas yang disediakan memberi peluang kepada pelajar untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran, memantau dan menilai pembelajaran mereka sendiri.

Seperti yang dipaparkan dalam **Falsafah Kurikulum Singapura**, tugas yang bermakna perlulah bersifat membangun dan sesuai bagi tahap sekolah. Oleh sebab itu, reka bentuk penilaian haruslah dipandu oleh Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran. Sementara menyediakan tugas yang bermakna boleh membantu untuk memperkukuh pembelajaran pelajar, guru seharusnya berhati-hati dalam memberikan jumlah tugas yang diberikan kepada pelajar. Pemberian tugas yang berlebihan akan memberikan kesan buruk kepada motivasi dan perkembangan pelajar secara keseluruhannya.



AKTIVITI MENGAJAR 1: UNJUK DAN UJAR (*SHOW AND TELL*)

<p>Apa</p> 	<p>Unjuk dan Ujar merupakan satu pendekatan untuk menyediakan tugas yang bermakna bagi para pelajar di setiap peringkat kerana tugas ini mampu melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran. Tugas seperti ini memerlukan pelajar membawa artifak yang relevan ke dalam kelas, dan menggunakannya untuk menjelaskan pemikiran dan idea mereka mengenai topik yang dipelajari dengan rakan-rakan sekelas.</p> <p>Artifak yang dibawa dalam bentuk gambar, objek, klip video pendek, petikan dalam majalah atau objek berbentuk fizikal. Dengan memberikan tugas seperti ini, guru boleh mengetahui apa yang telah pelajar ketahui mengenai topik yang akan dipelajari atau pemikiran awal pelajar tentang topik. Selain itu, unjuk dan ujar boleh digunakan</p>
---	---

	<p>untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik dan merangsang minat mereka dalam pembelajaran. Informasi yang dikumpulkan boleh membantu guru untuk memudah cara pembelajaran mengenai topik yang menjadi fokus pembelajaran dengan merujuk kepada perkara yang telah dikongsi oleh pelajar di dalam kelas.</p> <p>Tugasan seperti ini selalunya digunakan untuk memperkenalkan topik atau pelajaran, konsep, isu atau topik yang baharu, dan ia boleh digunakan untuk merumuskan pembelajaran atau topik.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Arahan mengenai unjuk dan ujar dan informasi tentang topik yang akan dipelajari perlu diberikan kepada pelajar pada pelajaran sebelumnya. Ini termasuklah jenis-jenis artifak yang perlu dipilih dan soalan-soalan yang disediakan bagi pelajaran akan datang.</p> <p>Langkah 2: Berikan taklimat atau penjelasan mengenai cara atau mod perkongsian dan langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi aktiviti perkongsian. Berikut merupakan contoh perkongsian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Secara individu Bagi perkongsian secara individu, pastikan guru mencatat nota bagi setiap perkongsian pelajar. Pengurusan masa amat penting bagi memastikan semua pelajar diberikan peluang untuk berkongsi. • Secara berpasangan Bagi perkongsian secara berpasangan, pelajar perlu diberikan masa antara 5-8 minit, untuk berkongsi dengan pasangan masing-masing dan merumuskan idea mereka. Seorang wakil boleh dijemput untuk berkongsi di hadapan kelas dan para pelajar yang lain boleh menambah informasi jika perlu. • Secara berkumpulan Bagi perkongsian secara berkumpulan, masa antara 12-15 minit diberikan kepada pelajar untuk berbincang agar setiap anggota diberi peluang untuk berkongsi. Berikan tugas sebagai pencatat, penyampai dan pembantu penyampai dan anggota kumpulan. Semasa kelas berlangsung, seorang wakil diminta untuk berkongsi di hadapan kelas dan anggota kumpulan yang lain dibenarkan untuk menambah informasi sekiranya perlu. <p>Langkah 3: Guru perlu mencatat nota berkaitan perkongsian yang dilakukan oleh pelajar tanpa mengira jenis perkongsian yang dilakukan. Guru perlu menyertakan informasi yang dicatat dalam topik yang akan dipelajari.</p>



	Ada kalanya sesuai juga untuk guru membuat rujukan kepada perkara-perkara, idea, isu dan soalan yang ditimbulkan oleh pelajar semasa perkongsian dalam aktiviti unjuk dan ujar semasa guru menjelaskan topik.
--	---

AKTIVITI MENGAJAR 2: LATIHAN UNTUK MENGUASAI (*PRACTICE FOR MASTERY*)

<p>Apa</p> 	<p>Latihan untuk menguasai boleh meningkatkan kecekapan pelajar dalam kemahiran menganalisis dan pengetahuan mengenai sesuatu konsep. Selain itu, tugas sebegitu memberi peluang kepada pelajar untuk memperdalam pemahaman mengenai kemahiran dan konsep yang dipelajari. Menggunakan taksonomi, seperti Model Taksonomi Bloom sebagai rujukan apabila menyediakan tugas akan memberikan pelajar peluang untuk melatih pelbagai jenis soalan daripada mengingat hinggalah ke aplikasi.</p> <p>Tugas sebegini boleh diberikan semasa atau di akhir pelajaran sebagai tugas di rumah untuk pelajar melakukan latihan mengenai perkara yang mereka pelajari di kelas.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Langkah 1: Tentukan tujuan bagi latihan ini. Tugas ini bertujuan untuk pelajar amalkan, aplikasi, semak atau semak semula perkara yang telah dipelajari. Bergantung kepada apa yang telah dikuasai pelajar, guru boleh mempertimbangkan untuk memberikan pelbagai jenis soalan yang ditanyakan, daripada soalan yang mudah kepada soalan yang lebih payah.</p> <p>Langkah 2: Jelaskan kepada pelajar tujuan tugas yang diberikan. Dalam hal ini pelajar perlu mempamerkan atau menunjukkan pengetahuan dan pemahaman mereka mengenai topik yang dipelajari.</p> <p>Pelajar diminta untuk berkongsi dengan pelajar lain akan kepentingan dan kerelevanan tugas yang diberikan, termasuklah kriteria kejayaan dan mod penilaian yang digunakan dalam menyelesaikan tugas mereka.</p> <p>Langkah 3: Gunakan informasi yang dicungkil atau dikumpulkan daripada tugas yang telah dilengkapkan oleh pelajar untuk menentukan tindakan atau langkah yang akan diambil bagi pelajaran seterusnya, dan membantu</p>

	individu atau kumpulan pelajar merapatkan jurang pembelajaran yang dihadapi atau meluaskan pembelajaran pelajar berdasarkan kekuatan mereka.
--	--

AKTIVITI MENGAJAR 3: PILIHAN AWAK (*YOUR CHOICE*)

<p>Apa</p> 	<p>Berbanding penggunaan kertas dan pena untuk menyelesaikan tugas, memberikan pelajar pilihan dalam pelbagai tugas boleh meningkatkan pelibatan dan meningkatkan komitmen untuk bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan. Pelajar akan lebih teruja apabila diberikan pilihan dan diberikan peluang untuk meluahkan perasaan dan idea mereka (Vatterrott, 2009).</p> <p>Tugas sebegini mungkin boleh diberikan pada akhir pelajaran untuk pelajar mempamerkan pemahaman mereka mengenai apa yang dipelajari dalam kelas.</p>
<p>Bagaimana melakukannya</p> 	<p>Contoh: Pelajar diberikan pilihan untuk menunjukkan pemahaman mereka tentang 'Rumah Tradisional Melayu dan Fungsinya' menggunakan beberapa cara. Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • menggunakan gambar untuk menjelaskan rumah tradisional Melayu dalam bentuk jurnal; • membina artifak atau model rumah tradisional Melayu serta laporan lengkap; • membina papan cerita dan menghasilkan klip video untuk menjelaskan tentang rumah tradisional Melayu dan laporan bertulis; atau • mencipta lirik lagu mengenai rumah tradisional Melayu dan dilagukan. <p>Pelajar diberikan pilihan untuk memilih dan menentukan cara untuk menyelesaikan tugas mereka mengenai 'Rumah Tradisional Melayu dan Fungsinya'.</p>